

**SOALAN NO.: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016**

**SOALAN :**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar-dasar baru yang dirancang jika ada, dan langkah-langkah serta merta yang diambil bagi membantu golongan penoreh getah di seluruh negara yang terpaksa berdepan dengan kemelut menyara kehidupan keluarga akibat kejatuhan harga pasaran getah yang berpanjangan kini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan lebih 300,000 pekebun kecil getah di seluruh negara susulan ketidakstabilan harga getah yang menjelaskan pendapatan golongan ini. Sehubungan itu, langkah-langkah yang telahpun dilaksanakan bagi memastikan pendapatan pekebun kecil tidak terjejas adalah seperti berikut:

### i. Insentif Pengeluaran Getah (IPG)

- IPG telah dilaksanakan mulai bulan Januari 2015 dan telah ditambahbaik pada tahun 2016 dengan menaikkan Paras Harga Pengaktifan (PHP) bagi SMR20 dari RM5.10 sekilogram kepada RM5.50 sekilogram dan bagi *cuplump* dari RM2.00 kepada RM2.20 sekilogram. Langkah ini akan membolehkan para pekebun kecil getah dengan pemilikan purata 2 hektar dan produktiviti *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100 berbanding dengan RM1,000 dengan kadar lama.
- Bagi pelaksanaan IPG, Kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM200 juta. Sehingga 30 April 2016, sebanyak 107,930 permohonan telah diluluskan untuk

pengagihan IPG yang melibatkan peruntukan sebanyak RM16.5 juta;

ii. Mekanisme penetapan harga di ladang

- Menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta kepada koperasi sebagai modal pusingan untuk menjalankan urusniaga getah. Melalui pendekatan ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang.
- Sehingga kini, modal pusingan sebanyak RM1,470,000 telahpun diagihkan kepada sebanyak 18 koperasi. Berdasarkan maklum balas, pada puratanya koperasi menawarkan RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah.

iii. Menyediakan infrastruktur kutipan lateks

Peruntukan sebanyak RM10 juta telah disediakan bagi menggalakkan para pekebun kecil meningkatkan pengeluaran lateks. Peruntukan ini akan digunakan untuk tujuan memperkuuhkan infrastruktur kutipan lateks di mana ianya akan dilaksanakan di beberapa tempat seperti Palong, Negeri Sembilan, Lipis, Pahang dan Grik, Perak. Langkah ini, di samping mengurangkan pengimportan lateks juga akan menyumbang

kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*; dan

iv. Bantuan Tanam Semula dan Tanam Baru

Meneruskan bantuan kepada pekebun kecil untuk aktiviti tanam semula dan tanam baru, iaitu sebanyak RM9,230 sehektar bagi Semenanjung manakala Sabah dan Sarawak masing-masing berjumlah RM14,000 dan RM13,500 sehektar.

Tuan Yang Di-Pertua,

Langkah-langkah jangka panjang bagi memulih dan menstabilkan harga getah termasuk:

- i. Menggalakkan penggunaan getah dalam negara termasuk menggunakan adunan getah dengan bitumen dalam pembinaan jalan raya. Hasil penyelidikan menunjukkan penggunaan adunan bitumen dengan getah, walaupun meningkatkan kos pembinaan sehingga 15%, dapat menjimatkan kos penyenggaraan dengan anggaran sebanyak RM25,000 bagi setiap kilometer setahun. Ini disebabkan oleh daya ketahanan jalan yang lebih tinggi;
- ii. Memperkuatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan ke arah menghasilkan produk-produk baru dan nilai tambah berdasarkan getah. Langkah ini akan membolehkan peningkatan penggunaan

getah asli dalam negara termasuk pengeluaran produk-produk baru berasaskan getah untuk pasaran eksport; dan

- iii. Bekerjasama dengan lain-lain negara pengeluar getah asli dunia bagi menstabilkan harga getah. Ini adalah memandangkan Malaysia merupakan negara keenam terbesar pengeluar getah asli dan negara secara bersendirian tidak dapat mempengaruhi harga getah asli dunia. Umpamanya, *International Tripartite Rubber Council* yang dianggotai oleh Malaysia, Thailand dan Indonesia telah bersetuju untuk melaksanakan ‘*Agreed Export Tonnage Scheme*’ (AETS) bagi tempoh enam bulan dari Mac hingga Ogos 2016. Di bawah mekanisme ini, ketiga-tiga negara akan menghadkan eksport sebanyak 615,000 tan getah asli bagi tempoh tersebut. Langkah ini dijangka akan menyumbang kepada usaha-usaha menstabilkan harga getah asli.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 56 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25 MEI 2016  
[ RABU ]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ  
[ JERLUN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kes yang melibatkan penyelewengan atau salah laku pemilik PPR dan apakah tindakan yang telah diambil bagi memberi kesedaran kepada pemilik perumahan yang melanggar syarat pemilikan rumah berkenaan.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan “Ops Sejahtera Komuniti” di perumahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) secara bersepadu dengan kerjasama daripada Pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Operasi ini memfokuskan kepada tiga aspek iaitu penyewaan kepada pihak ketiga, tunggakan sewaan dan salah guna kegunaan perumahan kepada tujuan lain.

Sehingga kini, sebanyak 4 program operasi dilaksanakan iaitu di:-

- (i) PPR Jalan Segindai, Sabah pada 5 Mac 2016;
- (ii) PPR Pudu Ulu, Kuala Lumpur pada 2 April 2016;
- (iii) PPR Taman Dahlia, Langkawi, Kedah pada 24 April 2016; dan
- (iv) PPR Taman Sri Stulang, Johor Bahru pada 7 Mei 2016.

Hasilnya, sebanyak 68 unit kediaman yang telah dikenal pasti menyewakan unit mereka kepada pihak ketiga. Kementerian dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tidak akan berkompromi dengan mana-mana penghuni yang menyewakan rumah yang disediakan oleh Kerajaan ini kepada pendatang asing dan kontrak penyewaan mereka akan ditamatkan serta-merta. Oleh yang demikian, Notis Amaran dan Penamatan telah dikeluarkan kepada penghuni-penghuni unit tersebut melalui PBN.